



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS KONVOKESYEN PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) TAHUN 2024

1. Majlis Konvokesyen Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Tahun 2024 telah berlangsung hari ini di Shah Alam Convention Center (SACC), Shah Alam, Selangor dan melibatkan seramai 1,266 graduan dari CIAST dan Kampus Satelit CIAST (CSC) yang telah berjaya menamatkan latihan di peringkat Diploma Lanjutan, Diploma dan Sijil.
2. Sehingga 2023, **sejumlah 13,795** graduan pengajar TVET telah berjaya dihasilkan oleh CIAST. Manakala **tahun 2024**, menyaksikan sejumlah **1,266 orang tenaga pengajar TVET** berjaya menamatkan pengajian mereka. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat dan sokongan padu daripada pelbagai pihak. CIAST Shah Alam, sebagai pusat induk, juga turut bersama **14 kampus satelit CIAST (CSC)** yang terdapat di seluruh negara, menjadikan program ini lebih mudah diakses oleh tenaga pengajar TVET di seluruh Malaysia.
3. Kejayaan ini dapat dicapai dengan adanya kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak dan organisasi yang terlibat dalam pembangunan, pelaksanaan dan pemerkasaan TVET, terutamanya pusat-pusat awam dan swasta bertauliah yang membuka peluang dan membuka laluan kepada graduan untuk membina kerjaya.
4. Anugerah Graduan Terbaik :
 - ❖ Muhamad Alif Akmal bin Sani
 - ❖ Ommar Sharif bin Rozuan
 - ❖ Nik Mohd Rashdan bin Zainuddin
 - ❖ Nur Liyana binti Samsudin
 - ❖ Asfa Afza binti Mohamad Zaki
5. Anugerah Ikon Alumni CIAST (AIC) kategori pengajar TVET: Tc. Shaiful Shahril bin Norajoa
6. Anugerah Ikon Alumni CIAST (AIC) kategori bukan pengajar TVET: Ts. Abdul Hafiz bin Mohamad Nor

7. YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia telah menyempurnakan Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2024. Hadir sama pada konvokesyen ini adalah Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, Ts. Hajah Zuleah binti Darsong dan Pengarah CIAST, Ts. Haji Mohd Manoj bin Jumidali.
8. YB Encik Steven Sim Chee Keong menekankan kepentingan dan **peranan CIAST selaku Pusat Kecemerlangan Pengajar TVET** dan berharap CIAST terus melahirkan lebih ramai tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam **menguukuhkan profesionalisme TVET**. Hal ini selaras dengan hasrat negara yang mensasarkan **seramai 35% tenaga kerja mahir negara menjelang tahun 2030**. Seterusnya, mampu menyumbang kepada **penurunan kebergantungan negara terhadap pekerja asing yang tidak terlatih, juga meningkatkan bakat tempatan bagi mencapai dasar gaji progresif**.
9. Graduan yang diraikan pada hari ini telah memenuhi kelayakan sebagai tenaga pengajar TVET yang akan **bertanggungjawab mendidik dan melatih tenaga mahir TVET yang holistik** bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Komitmen yang tinggi diperlukan bukan sahaja dalam penyampaian latihan kemahiran, tetapi juga dalam **membentuk ekosistem dan landskap pembelajaran lestari dan terkini** seiring dengan perkembangan teknologi baharu yang semakin kompleks. Pembangunan tenaga kerja yang MADANI terutama dalam kalangan generasi muda, diyakini mampu menjadi tonggak dalam **memeta hala tuju negara** yang lebih **mampan, sejahtera dan berdaya cipta**.
10. Kementerian Sumber Manusia terus komited dalam memperkukuhkan pembangunan **modal insan yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi**, selaras dengan tumpuan utama Dasar TVET Negara 2030. Usaha ini juga seiring dengan matlamat Kerangka Ekonomi Madani yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menangani isu-isu sosial dan ekonomi secara menyeluruh, antaranya melalui **lonjakkan industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV)**. Terutamanya dalam memperkasakan bidang-bidang seperti kenderaan elektrik (EV), keselamatan siber, kecerdasan buatan (AI) dan bahan termaju, **peranan tenaga pengajar TVET dalam menjadikan landskap TVET negara yang lebih responsif, fleksibel dan inklusif** adalah sangat penting demi memastikan modal insan yang dihasilkan dapat menyumbang kembali kepada pembangunan ekonomi negara secara holistik dan mampan, setanding negara maju lain.

11. Pelbagai inisiatif dan promosi telah dilancarkan bagi menarik dan meningkatkan kemasukan pelajar ke institusi TVET awam mahupun swasta seluruh negara. Dengan itu, tergalas tanggungjawab di bahu tenaga pengajar TVET pula untuk sentiasa bersedia beradaptasi dengan kemahiran pengajaran dan pembelajaran terkini terutamanya dalam mengadun dan menyatupadukan **teknologi pendigitalan dan AI** supaya sektor latihan TVET negara tidak ketinggalan dalam arus pembangunan digital dan bergerak selari dengan hala tuju strategik negara-negara maju. Ini juga seiring dengan **Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KSM 2021-2025** yang mana ianya bertujuan **memperkasa tadbir urus kompetensi modal insan yang lebih efisien**, melalui pengukuhan aplikasi dan infrastruktur digital.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
21 SEPTEMBER 2024

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	